

Bahan asal dari Arkib

Negara Malaysia

**BERITA HARIAN, KHAMIS, 3 SEPTEMBER, 1981**

## **Perakuan yang praktikal akan dilaksana**

**KUALA LUMPUR, Rabu** — Segala perakuan Jawatankuasa Kira-kira Wang Negara mengenai penelitiannya terhadap laporan Ketua Audit Negara yang praktikal akan dilaksanakan oleh kerajaan, demikian menurut Perdana Menteri, Datuk Seri Dr. Mahathir Mohamad, hari ini.

Katanya, kerajaannya akan sentiasa mengambil berat segala perakuan jawatankuasa berkenaan.

Beliau menegaskan demikian di sidang akhbar bulanannya sesudah mempengerusikan mesyuarat kabinetnya di pejabatnya di sini, hari ini.